

# Konsep Telaga Undang bercanggah dengan <sup>4/3/8</sup> aturan adat

SEREMBAN, Khamis — Konsep 'Telaga Undang' adalah bercanggah dengan aturan adat dan pesaka sebenar Luak Sungai Ujong kerana kewujudannya bertujuan untuk merampas pesaka Datuk Kelana Putra (Undang) sama ada ia digilirkan kepada Perut Ulu atau Hilir.

Ia sebenarnya bertujuan memastikan hanya sekumpulan anak-anak Waris yang mengaku berasal daripada keturunan 'Jurai Telaga Undang' sahaja yang layak menyandang pesaka Datuk Kelana Putra.

Anak-anak Waris Perut Ulu daripada Rumpun Tinggang hari ini berkata mereka mempunyai bukti nyata dan fakta sejarah yang menunjukkan bahawa konsep 'Telaga Undang' wujud dengan berunsurkan "ada undang di sebalik batu."

"Telaga Undang wujud hasil pakatan di kalangan sekumpulan anak-anak Waris Perut Ulu sewaktu pemerintahan Datuk Kelana Putra Makmur (1889-1945) dengan menantunya, Datuk Shahbandar Abu Bakar.

"Pakatan ini sekali gus membenamkan hak kami serta anak-anak Waris Perut Ulu daripada Rumpun Dusun dan Nyonyol untuk menyandang pesaka Datuk Kelana Putra kerana dianggap sebagai Waris Lingkungan.

"Kami membuat kenyataan ini secara ikhlas demi menegakkan keadilan dan bukannya bertujuan mencari salah mana-mana pihak. Apa yang kami harapkan ialah kesediaan semua pihak untuk menerima realiti ini sekalipun ia pahit untuk ditelan," kata jurucakapnya dalam kenyataan kepada Berita Harian di sini.

Bellau berkata, pihaknya sedia mengemukakan segala bukti berdasarkan kepada fakta-fakta sejarah jika ada pihak tertentu yang masih mahu mempertikai kenyataan mereka.

Bellau juga menyebut contoh yang menunjukkan bahawa kewujudan konsep 'Telaga Undang' sebagai bercanggah dengan aturan adat sebenar Luak Sungai Ujong, iaitu:

"Adat yang mengawal pesaka dan bukannya penyandang pesaka yang mengawal adat.

"Undang Ketujuh, Datuk Kelana Putra Mohd Yusoff Hashim (1881-1889) daripada Perut Hilir dipecat daripada jawatan Undang kerana beliau dikatakan tidak siuman.

"Sepatutnya, tempat beliau selaku Datuk Kelana Putra digantikan oleh seorang anak Waris daripada Perut yang sama, iaitu Perut Hilir tetapi kenapa pesaka itu berpindah kepada seorang anak Waris daripada Perut Ulu, iaitu Undang Kelapan, Datuk Kelana Putra Makmur," katanya. " " "